

# **Kejohanan Larian Merentas Desa 2018 Peringkat Sekolah SK Pekan Satu W.P Labuan**



**Labuan, 27 Januari 2018 –** Sekolah Kebangsaan Pekan Satu (SKPS) telah mengadakan Kejohanan Larian Merentas Desa bertempatkan di Taman Botani W.P Labuan pada pukul 7.00 pagi sehingga pukul 10.30 petang . Larian merentas desa ini melibatkan semua pelajar tahap dua SKPS dan pelajar-pelajar PPKI .

Kejohanan Larian Merentas Desa ini merupakan program yang menyokong kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan murid yang berperibadi seimbang serta harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mencapai sasaran 1Murid 1Sukan di samping dapat mencungkil bakat-bakat baru serta memupuk minat murid sekolah untuk terus bersukan



Kejohanan Larian Merentas Desa ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu Lelaki, Perempuan dan PPKI. Kejohanan ini diadakan untuk menyiapkan diri murid-murid dan pasukan rumah sukan yang akan bertanding di kejohanan sukan tahunan serta mencari wakil sekolah dalam acara merentas desa ke peringkat daerah.

Selain itu , adik Mohd Saiful Ridwan (12 tahun) telah berjaya menjadi peserta pertama yang tiba di garisan penamat dan berjaya mewakili Wilayah Persekutuan Labuan ke MSSM di Ipoh, Perak. Kemenangan ini menjadi suntikan semangat kepada semua murid di SK Pekan Satu untuk terus bersaing secara sihat sesama mereka dalam acara sukan .

Puan Anita Shyamini iaitu Guru Besar SKPS telah menyatakan dalam ucapan beliau '*Saya merasakan kejohanan ini merupakan medan terbaik untuk guru-guru mencipta kreativiti memacu semangat pelajar, manakala para pelajar pula berpeluang mengerah kudrat, melepaskan beban emosi dengan berlari sederas yang mungkin, maka akan terciptalah momentum yang dapat menjana tenaga dalaman seterusnya menjadi juara.*' katanya .



Harapan SKPS pada tahun ini adalah untuk mencungkil bakat atlet pelajar-pelajar SKPS dan mampu membawa nama SK Pekan Satu serta Wilayah Persekutuan Labuan ke peringkat yang lebih tinggi . Motto terbaharu SKPS ‘**DARE TO WIN**’ adalah salah satu batu loncatan untuk menyuntik semangat warga SKPS kearah budaya berdaya saing secara sihat terutamanya dalam ko-kurikulum .

SKPS truly number 1!

Labuan Hebat Guru Sayang Muridnya,

Kemenjadian dan kecemerlangan murid bermula disini.